

Latihan Menyusun Karangan 4

Susun perenggan A hingga E mengikut urutan yang betul untuk menghasilkan karangan yang lengkap.

Tajuk: Faedah Membawa Bekal ke Sekolah.

A. Pertama, membawa bekal ke sekolah dapat menjimatkan wang saku. Kita tidak perlu beratur di kantin untuk membeli makanan. Wang yang diijamatkan boleh disimpan untuk kegunaan lain.

B. Membawa bekal ke sekolah memberikan banyak faedah kepada murid. Bekal biasanya disediakan oleh ibu bapa dengan penuh kasih sayang. Oleh itu, kita digalakkan untuk membawa bekal setiap hari.

C. Selain itu, makanan yang disediakan di rumah lebih bersih dan berkhasiat. Ibu bapa pasti memilih bahan yang segar dan berkualiti. Hal ini penting supaya kita sentiasa sihat dan bertenaga untuk belajar.

D. Seterusnya, membawa bekal juga dapat menjimatkan masa rehat. Masa rehat boleh digunakan untuk makan dengan tenang bersama kawan-kawan. Dengan itu, hubungan persahabatan juga dapat dieratkan.

E. Kesimpulannya, membawa bekal ke sekolah memang mendatangkan banyak kebaikan. Kita dapat berjimat, menjaga kesihatan dan mengeratkan persahabatan. Jadi, semua murid hendaklah membiasakan diri membawa bekal ke sekolah.

PENDAHULUAN	ISI 1	ISI 2	ISI 3	PENUTUP